



ABDUL Majid (tengah) menunjukkan gambar suspek sindiket keldai akaun yang ditahan di IPK Melaka, semalam.

KAD ATM pelbagai bank berserta wang tunai yang dirampas.

Bernama

Melaka

# Beri komisen RM400

## Tujuh ahli sindiket keldai akaun ditahan dalam empat serbuan

Tujuh ahli sindiket keldai akaun yang menjalankan aktiviti penipuan tawaran kerja dan pelaburan tidak wujud membabitkan kerugian RM466,380.25 ditahan menerusi Op Akaun Palsu dalam empat serbuan berasingan di dalam dan luar Melaka, baru-baru ini.

Ketua Polis Melaka, Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, semua suspek berusia 21 hingga 40 tahun termasuk pasangan kekasih tempatan dan seorang wanita warga Vietnam ditahan di Alor Gajah, Seri Kembangan serta Kajang di Selangor dan Ke-

pong di Kuala Lumpur pada 4 dan 5 Januari lalu.

Beliau berkata, seorang tukang kebun berusia 30 tahun ditawarkan pekerjaan oleh pasangan kekasih berusia 30 dan 21 tahun itu, sebelum dia diminta menyerahkan kad ATM serta nombor pin kad itu yang akan digunakan sebagai akaun tumpang bagi kegiatan penipuan dan pembelian dalam talian.

"Mangsa diberi komisen RM300 hingga RM400 sekali

bayar untuk satu akaun bank dan mangsa menyerahkan dua kad ATM miliknya serta nombor pin kad itu kepada suspek.

"Mangsa diminta mencari rakan lain yang boleh memberikan kad ATM dan nombor pin akaun bank mereka serta mangsa berjaya mendapatkan lima rakannya yang berminat dengan tawaran daripada sindiket itu," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka di sini, se-

malam.

Hadir sama, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Melaka, Superintendan E Sundra Rajan.

Abdul Majid berkata, tukang kebun itu dibawa ke sebuah rumah di Seri Kembangan oleh dua ahli sindiket dikenali sebagai Yusri dan Naufal.

Beliau berkata, mangsa kemudiannya berasa curiga lalu membuat laporan polis pada 3 Januari lalu dan kes disiasat mengikut Seksyen

420 Kanun Keseksan kerana menipu.

"Polis merampas 58 kad ATM pelbagai bank selain beberapa mata wang asing dalam operasi itu.

"Kami percaya sindiket penipuan ini membabitkan penipuan rentas negara yang aktif sejak Oktober tahun lalu dan sindiket dipercayai didalangi suspek warganegara China yang masih diburu.

"Susulan tertangkapnya ahli sindiket itu, kami per-

caya sebanyak 36 kes penipuan dalam talian di seluruh negara yang membabitkan kerugian RM466,380.25 berjaya diselesaikan dan tiga kes daripadanya iaitu kerugian RM26,069.22 dilaporkan di Melaka," katanya.

Abdul Majid berkata, siasatan awal mendapati semua suspek warga tempatan yang ditahan mempunyai rekod jenayah lampau membabitkan kes penipuan dan dadah.

Sementara itu, beliau berkata, penipuan tawaran kerja tidak wujud di Melaka meningkat kepada 76 kes dengan jumlah kerugian RM1.23 juta tahun lalu, berbanding empat kes dengan kerugian RM79,700 pada 2020.